

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 APRIL 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 12

### Bidang pertumbuhan strategik lonjak kembali ekonomi negara

# Bidang pertumbuhan strategik lonjak kembali ekonomi negara



Oleh Christina Cheah  
bhirencana@bh.com.my

Meskipun tidak terkecuali mengalami kesan ekonomi akibat COVID-19, Malaysia masih berdaya tahan atas asas ekonomi kukuh, disokong pelbagai langkah dilaksanakan kerajaan untuk mengurangkan kejatuhan ekonomi.

Prospek jangka sederhana negara juga kekal utuh. Namun, bagi memastikan kajian pertumbuhan mampang, Malaysia perlu meningkatkan hubungan perdagangan dan pola pembelanjanya.

Pembaharuan dalam perdagangan dan pelaburan kerajaan berterusan adalah penting untuk membuka laluan bagi memudahkan arus perdagangan lagi pemansuhan banyak halangan bukan tarif serta membatalkan had pelaburan.

Pemerintah perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) menjadikan langkah ke arah yang wajar kerana ia boleh membantu mengurangkan kos perdagangan bagi perniagaan dengan pemansuhan banyak halangan perdagangan di rantau ini. Pada masa sama, menggalakkan lebih banyak aktiviti perdagangan antara Malaysia dengan beberapa rakan dagangan utamanya.

RCEP terdiri daripada 15 negara anggota, merangkumi kira-kira 30 peratus daripada penduduk dunia dan 30 peratus daripada Keluaran Dalam Neara Kasar (KDNK) global, sekali gus perjanjian perdagangan bebas pertama dalam kalangan ekonomi terbesar di Asia membabitkan Australia, New Zealand, blok ASEAN, China,

Jepun dan Korea Selatan.

Sebagai hab strategik di ASEAN dengan asas ekonomi kukuh, Malaysia berada pada kedudukan ideal untuk mengukuhkan perlindungan rentas sempadan dan hubungan ekonomi dengan rakan niagaany di RCEP.

Akses negara kepada pasaran RCEP lebih meluas memberi peluang kepada perniagaan di sini untuk mengembangkan operasi mereka di seluruh rantau ini dan juga memudahkan arakses diperlakukan kepada ahli RCEP yang ingin melabuh di negara ini.

Mempertigat usaha Malaysia untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) juga penting, terutama terhadap ketika berlakunya penyusutan perniagaan global dan persekitaran semasa kompetitif.

Komisyon tetara tercapai apabila Bank Negara melibatkan lagi sokongan dasar peruntukan asing, memudahkan arakses persekitaran bagi aktiviti ekonomi domesik dan rentas sempadan lebih kondusif.

Namun, banyak lagi yang perlu dilakukan kepada rangka kerja pelaburan di negara ini bagi memudahkan Perbadanan Multinasional (MNC) melabuh di negara ini. Antara langkah boleh dilaksanakan termasuk menyenamak semula senarai pelaburan negatif, menyediakan insentif cukai bagi sektor tertentu, memperkemas proses untuk mempercepat proses kelulusan pelaburan dan kerena birokrasi serta memacu pembangunan sumber manusia dan teknologi negara.

Meskipun itu ini sudah dibangkitkan sebelum ini dan sedang dipertimbangkan jabatan berkewajipan, wujud dorongan kuat agar pembaharuan dicadangkan segera dilaksanakan agar

menjadi kenyataan.

Pada masa sama, syarikat yang ingin melabuh di negara ini mendapat mereka berada dalam persekitaran amat berbeza daripada persekitaran sebelum pandemik. Bagaimana untuk menyesuaikan perniagaan dan perkara yang perlu diberi keutamaan dalam persekitaran baharu ini menjadi persoalan strategik mempergarhi cara organisasi ini menentukan hala tuju mereka pada masa hadapan.

Dari perspektif perbankan, beberapa aspek paling kritis akan mempengaruhi syarikat termasuk akses kepada perniagaan, peningkatan dan integrasi teknologi ke dalam perniagaan dan penerimaan penyelesaian kewangan lestari.

Pasaran modal Malaysia sentara pasaran paling cair dan sukar di antara ini. Permintaan meningkat terhadap arbitran bon dan sukuk bukan sahak dan bertambahnya pilihan pembilangan hijau serta lestari, meningkatkan kebolehpakaran dan kecekapan pasaran modal negara disertai mina kukuh daripada pelabur meskipun berdepan dengan persekitaran pasaran mencecar.

Pelan Induk Pasaran Modal (CMP3) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) berperanan penting dalam memanfaatkan kekuahan dan potensi pasaran modal Malaysia untuk memacu pertumbuhan ekonomi mampang serta inklusif.

Ini adalah penting untuk menyokong - pihak bank dalam usaha mengumpul dan diperlukan syarikat korporat untuk membiayai pertumbuhan perniagaan dan pelaburan mereka.

Sepanjang dua tahun lalu, kita menyaksikan bagaimana COVID-19 memacu integrasi teknologi ke dalam perniagaan, membolehkan organisasi membangun ketahanan dan menyediakan peluang baharu untuk pertumbuhan - khususnya dalam aspek seperti memanfaatkan populasi pengguna e-dagang yang kian berkembang serta mengambil kesempatan atas rantai penawaran direvolusi teknologi.

Proses pendigitalan perkhidmatan kewangan menjadi faktor utama membolehkan syarikat korporat mengembangkan perniagaan di dalam dan di luar negara. Ini membawa peningkatan permintaan terhadap penyelesaian perbankan digital dan penyelesaian rentas sempadan lancar dilaksanakan melalui platform.

Kesedaran mengenai ancaman terhadap alam sekitar mempengaruhi sektor kewangan dengan keputusan berkaitan pasaran modal kini berdasarkan risiko, pulangan dan impak. Pada masa sama, kemunculan instrumen berkaitan sosial dan kelestarian meluaskan skop pembayaran untuk manfaat alam sekitar dan sosial lebih luas.

Di samping itu, pelabur kini lebih berminggu-minggu mendapatkan maklumat mengenai prestasi, risiko, pulangan dan prospek jangka panjang syarikat. Menjana modal akan menjadi lebih sukar bagi syarikat tidak mempunyai pelarisan lestari jelas. Semuanya berikut meningkatnya minat pelabur terhadap produk kewangan hijau dan lestari.

Asas kejayaan ekonomi Malaysia bukan sahaja masih utuh, dalam pelbagai sudut, ia diperkuatkan susulan berlakunya pandemik. Namun, sekiranya negara ingin meraih manfaat dan peluang sepenuhnya ke arah pemuliharan dan pembangunan, ia perlu mengerakkan semula pemacu perdagangan serta pelaburannya sebelum ini termasuk memberi tumpuan kepada bidang pertumbuhan strategik untuk menarik pelaburan luar negara.



“Asas kejayaan ekonomi Malaysia bukan sahaja masih utuh, dalam pelbagai sudut, ia diperkuatkan susulan berlakunya pandemik”

+